



TERMS AND CONDITIONS OF WOW@Work PROGRAMME
(Awfar Savings Account is protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Awfar Investment Account is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT PROGRAM WOW@Work
(Akaun Simpanan Awfar dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Akaun Pelaburan Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 30 July 2026 until 31 December 2027 / Berkuat kuasa pada 30 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2027

IMPORTANT NOTICE:

CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM'S PROGRAMMES AND PROMOTIONS.

THESE TERMS AND CONDITIONS ARE TO BE READ TOGETHER WITH GENERIC TERMS AND CONDITIONS AWFAR SAVING ACCOUNT AND AWFAR TRANSACTIONAL INVESTMENT ACCOUNT.

1.0 DEFINITION

For the purpose of these Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires: -

"Bank" or **"Bank Islam"** means Bank Islam Malaysia Berhad (Company Registration No. 198301002944 (98127-X)), a company incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and having its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

"Eligible Customer" means customers who meet the eligibility criteria and programme requirements.

NOTIS PENTING:

PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INI HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM AKAUN SIMPANAN AWFAR DAN AKAUN PELABURAN TRANSAKSI AWFAR.

1.0 DEFINISI

Bagi tujuan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, perkataan dan terma di bawah adalah bermaksud makna yang diberikan kepadanya: -

"Bank" atau **"Bank Islam"** bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 198301002944 (98127-X)), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

"Pelanggan Layak" bermaksud pelanggan yang memenuhi kelayakan dan syarat program.

TERMS AND CONDITIONS OF WOW@Work PROGRAMME
(Awfar Savings Account is protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Awfar Investment Account is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT PROGRAM WOW@Work
(Akaun Simpanan Awfar dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Akaun Pelaburan Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 30 July 2026 until 31 December 2027 / Berkuat kuasa pada 30 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2027

	"Awfar" means Awfar Savings Account product offered by Bank Islam based on the Shariah principle of Tawarruq. "Awfar" means an Unrestricted Investment Account Awfar product offered by Bank Islam based on the Shariah principle of Mudarabah.		"Awfar" bermaksud produk Awfar yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan prinsip Shariah Tawarruq. "Awfar" bermaksud produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad Awfar yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan prinsip Shariah Mudarabah.
2.0	ELIGIBILITY	2.0	KELAYAKAN
2.1	The WOW@Work Programme is open to new and existing Bank Islam customers who hold an active Awfar Savings Account or Awfar Investment Account.	2.1	Program WOW@Work terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada Bank Islam yang mempunyai Akaun Simpanan Awfar atau Akaun Pelaburan Awfar yang masih aktif.
2.2	To qualify, the customer must register by completing the BANK ISLAM WOW@WORK PROGRAMMED REGISTRATION FORM and credit his/her salary into the Bank Islam Awfar account.	2.2	Untuk melayakkan diri menyertai Program ini, pelanggan hendaklah mendaftar dengan menyempurnakan BORANG PENDAFTARAN PROGRAM WOW@WORK BANK ISLAM dan mengkreditkan gaji ke dalam akaun Awfar Bank Islam miliknya.
2.3	Salary credit must be received either: a) Within sixty (60) calendar days prior to the registration date; or b) Within ninety (90) calendar days after the registration date.	2.3	Kredit gaji hendaklah diterima sama ada: a) Dalam tempoh enam puluh (60) hari kalendar sebelum tarikh pendaftaran; atau b) Dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kalendar selepas tarikh pendaftaran.
2.4	For the purpose of this Programme, "Salary Credit" refers to a single incoming transaction of RM1,700 or above received from the customer's employer through salary payment channels, including but not limited to: • IBG; • DuitNow Transfer; • RENTAS; • Intra-bank Transfer; • Bank Islam Salary Payment Service; or Any other salary payment channel as determined by the Bank from time to time.	2.4	Bagi tujuan Program ini, "Kredit Gaji" merujuk kepada satu (1) transaksi kemasukan dana berjumlah RM1,700 dan ke atas yang diterima daripada majikan pelanggan melalui saluran pembayaran gaji termasuk tetapi tidak terhad kepada: • IBG; • DuitNow Transfer; • RENTAS; • Pindahan <i>Intra-bank</i>; • Perkhidmatan Pembayaran Gaji Bank Islam; atau mana-mana saluran pembayaran gaji lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
2.5	Transfers made by the customer from his/her own account, whether maintained with Bank Islam or another financial institution, shall not be considered as Salary Credit for the purpose of this Programme.	2.5	Pemindahan dana yang dilakukan oleh pelanggan daripada akaun miliknya sendiri, sama ada yang diselenggara di Bank Islam atau di institusi kewangan lain, tidak akan dianggap sebagai Kredit Gaji bagi tujuan Program ini.
2.6	Employees of Bank Islam Malaysia Berhad, whether permanent, contractual, temporary, or	2.6	Kakitangan Bank Islam Malaysia Berhad, sama ada bertaraf tetap, kontrak, sementara atau di bawah apa-apa

TERMS AND CONDITIONS OF WOW@Work PROGRAMME
(Awfar Savings Account is protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Awfar Investment Account is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT PROGRAM WOW@Work
(Akaun Simpanan Awfar dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Akaun Pelaburan Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 30 July 2026 until 31 December 2027 / Berkuat kuasa pada 30 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2027

	under any other employment arrangement, are not eligible to participate in this Programme.		bentuk penggajian lain, adalah tidak layak untuk menyertai Program ini.
3.0 PROGRAM BENEFITS		3.0 MANFAAT PROGRAM	
3.1	Upon successful verification of the Salary Credit requirements under Clauses 2.2 to 2.5 above, the Bank shall provide the following benefits within ninety (90) calendar days from the date of successful verification:	3.1	Tertakluk kepada pengesahan yang berjaya oleh pihak Bank terhadap keperluan Kredit Gaji seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.2 hingga 2.5 di atas, Bank akan memberikan manfaat berikut dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kalendar daripada tarikh pengesahan berjaya:
3.1.1	<u>Cash Incentive</u>	3.1.1	<u>Insentif Tunai</u>
	A one-off cash incentive of RM30 will be credited into the customer's Awfar account.		Insentif tunai sekali sahaja sebanyak RM30 akan dikreditkan ke dalam akaun Awfar pelanggan.
3.1.2	<u>Complimentary Group Personal Accident (PA) Coverage</u>	3.1.2	<u>Perlindungan Kemalangan Diri Berkumpulan (PA) Tanpa Bayaran</u>
	Customers will be entitled to complimentary Group Personal Accident coverage for a period of one (1) year with:		Pelanggan akan layak menerima perlindungan Kemalangan Diri Berkumpulan (PA) tanpa bayaran untuk tempoh satu (1) tahun dengan manfaat berikut:
	a) Coverage of up to RM10,000 upon Death; or b) Coverage of up to RM10,000 upon Total Permanent Disablement (TPD),		a) Perlindungan sehingga RM10,000 sekiranya berlaku Kematian; atau b) Perlindungan sehingga RM10,000 sekiranya berlaku Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK),
	subject to the terms and conditions of the applicable Group Personal Accident policy.		tertakluk kepada terma dan syarat polisi Kemalangan Diri Berkumpulan yang berkenaan.
4.0 DISQUALIFICATION		4.0 HILANG KELAYAKAN	
4.1	If the Bank is unable to verify the Salary Credit requirement within ninety (90) calendar days from the date of registration, the customer shall no longer be eligible for the Programme Benefits	4.1	Sekiranya Bank tidak dapat mengesahkan keperluan Kredit Gaji dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kalendar daripada tarikh pendaftaran, pelanggan tidak lagi layak menerima Manfaat Program.
4.2	The Bank reserves the right to reject, cancel, withdraw, or recover any Programme Benefits granted where:	4.2	Bank berhak untuk menolak, membatalkan, menarik balik atau mendapatkan semula mana-mana Manfaat Program yang telah diberikan sekiranya:
	a) The customer is found to have provided inaccurate, incomplete, or misleading information b) The salary credit transaction is subsequently determined not to be a genuine salary payment from the employer; or		a) Pelanggan didapati memberikan maklumat yang tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan; b) Transaksi Kredit Gaji didapati bukan merupakan pembayaran gaji yang sah daripada majikan; atau



TERMS AND CONDITIONS OF WOW@Work PROGRAMME
(Awfar Savings Account is protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Awfar Investment Account is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT PROGRAM WOW@Work
(Akaun Simpanan Awfar dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Akaun Pelaburan Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 30 July 2026 until 31 December 2027 / Berkuat kuasa pada 30 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2027

c)	The customer is found to have breached any of these Terms and Conditions.	c)	Pelanggan didapati melanggar mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat Program ini.
4.3	The Bank reserves the right to withhold the fulfilment of any Programme Benefits pending verification of eligibility.	4.3	Bank berhak untuk menangguhkan pemberian mana-mana Manfaat Program sementara proses pengesahan kelayakan dijalankan.
4.4	Where salary crediting ceases after successful verification but before the fulfilment of the Programme Benefits, the Bank reserves the right to withdraw, cancel, or withhold the unfulfilled benefits.	4.4	Sekiranya kredit gaji dihentikan selepas pengesahan berjaya tetapi sebelum Manfaat Program dipenuhi sepenuhnya, Bank berhak untuk membatalkan, menarik balik atau menahan manfaat yang belum diberikan.
5.0	OTHER PROVISIONS	5.0	PERUNTUKAN LAIN
5.1	The customer may encourage his/her employer to participate in Bank Islam's Business Partner Programme (BPP) and promote the WOW@Work Programme within the organisation.	5.1	Pelanggan boleh menggalakkan majikan masing-masing untuk menyertai Program Perkongsian Perniagaan (Business Partner Programme - BPP) Bank Islam dan mempromosikan Program WOW@Work di organisasi mereka.
5.2	Where the employer participates in the Business Partner Programme (BPP), the employer may be eligible to receive incentives based on the average balance growth generated by participating employees, subject to the applicable BPP terms and conditions. Participation by an employer in the Business Partner Programme (BPP) shall not affect an employee's eligibility for the WOW@Work Programme benefits under these Terms and Conditions.	5.2	Sekiranya majikan menyertai Program Perkongsian Perniagaan (BPP), majikan tersebut mungkin layak menerima insentif berdasarkan pertumbuhan purata baki deposit yang dijana oleh pekerja yang mengambil bahagian, tertakluk kepada terma dan syarat BPP yang berkuat kuasa. Penyertaan majikan dalam Program Perkongsian Perniagaan (BPP) tidak akan menjejaskan kelayakan pekerja untuk menikmati manfaat di bawah Program WOW@Work.
6.0	GENERAL CLAUSE IN THE TERMS AND CONDITIONS	6.0	TERMA DAN SYARAT UMUM
6.1	Eligible Customer/ Customer is advised to read and understand these terms and conditions before participating in any of our programme or promotion.	6.1	Pelanggan yang Layak/ Pelanggan adalah dinasihati supaya membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen atau promosi kami.
6.2	To participate in our programme or promotion, Eligible Customer/ Customer must fall within the eligibility criteria and fulfill the programme or promotion mechanics. Unless stated otherwise by the Bank, Eligible Customer/ Customer is not	6.2	Untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi kami, Pelanggan yang Layak/ Pelanggan mestilah termasuk didalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisme kempen/ promosi. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak Bank, Pelanggan yang Layak/ Pelanggan tidak perlu menandatangani atau

TERMS AND CONDITIONS OF WOW@Work PROGRAMME
(Awfar Savings Account is protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Awfar Investment Account is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT PROGRAM WOW@Work
(Akaun Simpanan Awfar dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Akaun Pelaburan Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 30 July 2026 until 31 December 2027 / Berkuat kuasa pada 30 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2027

	required to sign up or fill up any application form to participate in the said programme or promotion.		melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi tersebut.
6.3	By participating in this programme or promotion, the Eligible Customer/ Customer:	6.3	Dengan menyertai program atau promosi ini, Pelanggan Layak/Pelanggan:
	(a) shall give consent for the Bank to disclose their personal data to the Bank's service provider to the extent necessary for the purpose of this programme or promotion;		(a) membenarkan pihak Bank untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank setakat mana yang perlu untuk tujuan kempen atau promosi ini;
	(b) shall agree for the Bank to publish or display their names or photos in media, marketing or the Bank's website for the purpose of this programme or promotion (where applicable); and		(b) bersetuju untuk pihak Bank menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambar di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank untuk tujuan kempen atau promosi ini (mana-mana yang terpakai); dan
	(c) shall agree to the Bank's decision on all matters relating to the programme or promotion, selection of winners and prizes shall be final, conclusive and binding on all Eligible Customer/ Customer and no further correspondence and/ or appeal to dispute the Bank's decision shall be entertained.		(c) bersetuju dengan keputusan Bank terhadap semua perkara berkaitan dengan kempen atau promosi ini, pemilihan pemenang-pemenang dan hadiah-hadiah adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak/ Pelanggan dan tiada surat menyurat selanjutnya dan/ atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank akan dilayan.
6.4	The Bank accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment (if any) due to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the winner. It is the responsibility of the winner to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.	6.4	Bank dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab pemenang-pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kepada kedudukan kewangan mereka.
6.5	The programme or promotion prizes do not include any other incidental expenses e.g. transportation whatsoever, unless expressly stated in these terms and conditions (if any).	6.5	Hadiah-hadiah dalam kempen atau promosi ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat ini (jika ada).
6.6	The prize is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Winners must accept the prize 'as it is' and must acknowledge that the Bank shall not be held responsible in the value of the prize due to the variation of prices in the market during the prize redemption/ collection by the winner at the time stipulated by the Bank.	6.6	Hadiah ini tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Pemenang-pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza dipasaran ketika pemenang menebus/ memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.
6.7	If the prize is not available for whatsoever reason, the Bank reserves the right to substitute the prize	6.7	Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank berhak menggantikan hadiah yang

TERMS AND CONDITIONS OF WOW@Work PROGRAMME
(Awfar Savings Account is protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Awfar Investment Account is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT PROGRAM WOW@Work
(Akaun Simpanan Awfar dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Akaun Pelaburan Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 30 July 2026 until 31 December 2027 / Berkuat kuasa pada 30 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2027

- | | |
|--|--|
| <p>for any item of equivalent value upon the Bank issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Eligible Customer/ Customer. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at the Bank's branches or websites.</p> | <p>dimenangi dengan hadiah lain yang sama nilai dan memberi notis sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kepada Pelanggan yang Layak/ Pelanggan. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank.</p> |
| <p>6.8 Winners may be invited to attend prize presentation ceremony or other publicity events (if any) at the location to be advised on a later date. Winners are fully responsible for all expenses incurred in attending the said prize giving ceremony.</p> | <p>6.8 Pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Pemenang-pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.</p> |
| <p>6.9 In compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, the Bank shall protect the personal data of the customers. By participating in this Program/Promotion, winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by the Bank for publicity purposes.</p> | <p>6.9 Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, pihak Bank akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai kempen atau promosi ini, pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang di mana-mana media yang dipilih oleh Bank. Oleh yang demikian, Bank berhak untuk menyiar atau memaparkan nama dan gambar pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.</p> |
| <p>6.10 The Bank and its affiliates and its respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for the following:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) any misinterpretation on facts, and/ or inflicted injuries and/ or loss of lives and/ or valuables resulting from the prize won through this programme or promotion; and (b) any loss and damage or for any personal injury and/ or whatsoever suffered or sustained by the Eligible Customer/ Customer/ winner in connection with this programme or promotion whether their participation in this programme or promotion or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel, except for any liability which cannot be excluded by law. (c) any matters beyond the Bank's control with regards to this programme or promotion or anything related thereto. | <p>6.10 Bank dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/ atau sebarang kecederaan dan/ atau kehilangan ke atas nyawa dan/ atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi kempen atau promosi ini; dan b) sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/ atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan yang Layak/ Pelanggan/ pemenang berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam kempen atau promosi atau penerimaan atau semasa menggunakan hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. c) segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank dalam pentadbiran dan pemprosesan kempen atau promosi ini. |
| <p>6.11 Subject to compliance with Shariah rules and principles, the Bank reserves the rights to amend, cancel, terminate, or suspend the programme or promotion by providing sufficient notice not less than fourteen (14) days prior to the date of</p> | <p>6.11 Tertakluk kepada pematuhan peraturan dan prinsip Syariah, pihak Bank berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung kempen atau promosi ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat</p> |



TERMS AND CONDITIONS OF WOW@Work PROGRAMME
(Awfar Savings Account is protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Awfar Investment Account is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT PROGRAM WOW@Work
(Akaun Simpanan Awfar dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
(Akaun Pelaburan Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 30 July 2026 until 31 December 2027 / Berkuat kuasa pada 30 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2027

amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at the Bank's branches and websites. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the programme or promotion shall not entitle the customers who participate in this programme or promotion to any claim or compensation against the Bank for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.

- 6.12 Eligible Customer/ Customer/ Winner is advised to access the Bank's website from time to time to view programme or product Terms and Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any change or variation to the Terms and Conditions thereof.
- 6.13 The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the product/ facility terms and conditions. In the event of any inconsistency between these terms and conditions, this Terms and Conditions shall prevail with regards to this programme or promotion.
- 6.14 The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the customers agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.

For more information, please visit Bank Islam branches or call our Contact Centre at 03 26 900 900 or visit our website at <https://www.bankislam.com>

belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen atau promosi oleh pihak Bank, tidak membolehkan pelanggan-pelanggan yang menyertai kempen atau promosi ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh pelanggan pelanggan sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

- 6.12 Pelanggan yang Layak/ Pelanggan/ Pemenang adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat kempen atau promosi untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat;
- 6.13 Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat produk/ kemudahan. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung kempen atau promosi.
- 6.14 Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju dengan untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com>